



## Pilihan raya kampus, Utusan Rakyat dan Selangor Terkini

PILIHAN raya kampus kali ini tercemar apabila tindakan sekumpulan mahasiswa membuat bantahan sehingga menyebabkan berlaku kecederaan dan kerosakan harta benda universiti. Peristiwa berlaku di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Sehubungan dengan itu, Sarfarizmal Saad ([sarfarizmalsaad.blogspot.com](http://sarfarizmalsaad.blogspot.com)) menganggap perbuatan kumpulan mahasiswa terbabit telah mencemarkan nama baik mereka sendiri yang sebelum ini disanjung tinggi kerana tahap intelektualnya.

Katanya, walaupun tindakan ganas itu dilakukan segelintir daripada mereka, tetapi ia cukup mengubah tanggapan masyarakat terhadap keintellectualan mahasiswa keseluruhannya.

"Demokrasi memberi peluang kepada se-siapa sahaja untuk membuat pilihan. Demokrasi, kerana ketidaksempurnaan, juga mempunyai kelemahannya. Ketidaksempurnaan inilah yang digunakan oleh se-setengah pihak untuk menyalahgunakan demokrasi itu sendiri," katanya.

Beliau berkata, sikap dan akhlak mahasiswa kita hari ini adalah penting kerana mereka kalah yang akan mencorakkan pembangunan bangsa dan negara pada masa depan.

"Sekiranya pegangan kumpulan pro-mahasiswa masih berlandaskan 'keganasan', kemungkinan besar Malaysia akan menghadapi masalah serius seperti apa yang sedang berlaku di Timur Tengah."

"Asasnya, kedaulatan undang-undang harus menjadi pegangan mahasiswa kerana tiada sesiapa boleh dikecualikan daripada undang-undang," katanya.

Khairul Rizal Osman ([khairulryezal.blogspot.com](http://khairulryezal.blogspot.com)) pula berkata, pilihan raya kampus kali ini banyak dicemari keganasan dan insiden ala-penjenayah yang diketuai oleh beberapa mahasiswa yang sealiran dengan corak gerakan pembangkang di luar kampus.

Beliau berkata, keganasan para mahasiswa itu juga boleh dikaitkan dengan tin-dakan kerajaan yang memberi kebenaran kepada mahasiswa untuk berpolitik sehingga ada di antara mereka beberapa kali gagal dalam peperiksaan kerana terlalu aktif berpolitik.

"Adalah diharapkan perjuangan yang menjijikkan berasaskan kepada tindakan ganas, samseng dan drama yang tidak berkesudahan ini hendaklah dihentikan dalam pilihan raya kampus.

"Pihak kerajaan dan universiti seharusnya

tidak tunduk dengan desakan pelampau kampus ini yang didalangi oleh pakatan pembangkang," katanya.

Sementara blog RBF Online ([ruangbicarafaisal.blogspot.com](http://ruangbicarafaisal.blogspot.com)) yang mengulas tentang cadangan penerbitan akhbar *Utusan Rakyat* berkata, penerbitan akhbar berbahasa Melayu itu jelas didalangi oleh pihak pembangkang.

Sambil mengemukakan salinan kertas cadangan penerbitan akhbar tersebut, penulis blog ini berkata, penerbitan akhbar yang kononnya berasaskan kebebasan, etika dan profesionalisme kewartawanan itu hanya untuk mengelabui mata orang ramai.

"Sebenarnya, rancangan perubahan akhbar *Utusan Rakyat* adalah rancangan PKR (Parti Keadilan Rakyat). Untuk mengabui mata rakyat kononnya mereka tidak terlibat dalam penerbitan itu, maka mereka gunakan si kitol Hata Wahari (Presiden Kesatuan Wartawan Malaysia (NUJ)) sebagai alat mereka.

"Perkara ini telah dibincangkan dalam satu forum pada 15 Februari lalu yang mana dalam forum itu Hata yang kononnya bebas turut sama membentangkan kertas kerja bagaimana cara untuk menjatuhkan kerajaan BN (Barisan Nasional) dan cara un-

tuk menjahamkan *Utusan Malaysia*.

Manakala Adamyan dalam *MyKMU.net* ([mykmu.net](http://mykmu.net)) di bawah tajuk "Utusan Rakyat vs Utusan Malaysia" pula berkata, PKR se-njaga mahu menerbitkan *Utusan Rakyat* untuk mendekati orang Melayu, walaupun sebelum ini parti itu bermegah bahawa mereka ada sebuah parti pelbagai kaum.

"PKR yang dulu megah dengan status pelbagai kaumnya, kini cuba nak jadi macam UMNO pula - memperjuangkan hak Melayu dalam perlembagaan. Maka itu nak diterbitkan satu akhbar yang hampir me-nyerupai *Utusan Malaysia* bagi mencapai hasrat itu.

"Yang selama hari ini, dia sifatkan perjuangan mempertahankan hak Melayu dalam perlembagaan sebagai rasus itu apa? Dia gelar *Utusan Malaysia* itu akhbar rasus... itu dia dah lupa?" tulis beliau.

Selain dua penulis di atas, isu *Utusan Rakyat* juga disentuh oleh penulis blog lain antaranya blog *Kita Gempur* ([www.kitagempur.com](http://www.kitagempur.com)), *House PK* ([parpukari.blogspot.com](http://parpukari.blogspot.com)) dan *Media Permatang Pauh* ([diapermatangpauh.blogspot.com](http://diapermatangpauh.blogspot.com)).

Sementara itu, blog *Selangor Daily* ([www.selangordaily.com](http://www.selangordaily.com)) membidas Setiau-

saha Politik Menteri Besar Selangor, Faekah Husin apabila mempersoalkan akhbar *Selangor Terkini* oleh Badan Perhubungan UMNO Selangor yang dianggapnya sebagai perniatian haram.

Katanya, Faekah tidak sepatahnya ambil tahu tentang *Selangor Terkini* kerana penerbitannya tidak melibatkan sama sekali anggota pentadbiran kerajaan negeri, sedangkan kerajaan pembangkang turut menerbitkan akhbar mereka tanpa permit.

"Faekah perlu menjelaskan kepada rakyat mengapa kerajaan Selangor membelanjakan lebih RM1 juta sebulan untuk penerbitan *Selangor Times* yang diterbitkan setiap minggu.

"Mengapa perlu ada penerbitan *Selangor Times*, sedangkan kerajaan negeri telah menerbitkan *Selangor Kini* yang bertujuan menyampaikan maklumat kerajaan negeri kepada rakyat," katanya.

Kata beliau, sikap Faekah yang melatah keterlaluan mengenai *Selangor Terkini* tidak ubah seperti ayam yang kokok berderai-de-rai, ekor penuh tahi.

Kelolaan LUKMAN ISMAIL  
lukman@utusan.com.my